

**DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA
(BIDANG KUASA RAYUAN)
RAYUAN JENAYAH NO:J-05-67-05**

ANTARA

TAN TANG SENG

-PERAYU

DAN

PENDAKWA RAYA

-RESPONDEN

(Dalam Mahkamah Tinggi Malaya Di Johor Bharu
Jenayah No:MT(1)45-37-2002)

Antara

TAN TANG SENG

-PERAYU

Dan

PENDAKWA RAYA

-RESPONDEN

KORAM:

Raus Sharif, HMR
Hasan Lah, HMR
Wan Adnan Muhamad, HMR

ALASAN PENGHAKIMAN

Tertuduh merayu terhadap keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Johor Bahru. Pada 4.8.2005 hakim bicara tersebut telah mendapati tertuduh bersalah dan disabitkan kesalahan seperti pertuduhan. Tertuduh telah dijatuhkan hukuman mati mandatori.

Pertuduhan terhadapnya seperti berikut;

“ Bahawa kamu pada 28 Mac 2001, jam lebih kurang 10 pagi di No.2 Silat Cekak 15 Bandar Selesa Jaya dalam Daerah Johor Bahru telah mengedar dadah berbahaya iaitu 189.20 gm methamphetamine dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama”

Pada 11.8.2008 kami telah mendengar rayuan tertuduh dan keputusan sebulat suara kami ialah membenarkan rayuannya dan mengetepikan keseluruhan keputusan hakim bicara yang bijaksana tersebut.

Fakta kes ini tidak rumit dan jelas. Secara ringkas faktanya seperti berikut:-

Pada 28.3.2001 K/Inspektor Zamri Rejab (SP3) mengetuai sepasukan polis membuat serbuan ke atas sebuah rumah No. 2 Silat Cekak 15, Bandar Selesa Jaya, Johor Bahru (rumah tersebut) hasil suatu matlumat. Sesampai di rumah tersebut SP3 nampak sebuah kereta Honda bernombor BET 871 terletak di luar rumah. Beliau juga melihat pintu pagar dan juga gril depan rumah tersebut terbuka sedikit serta tak berkunci. SP3 dan anggota serbuan meluru masuk ke dalam

rumah. Ketika itu SP3 dapat lihat dua lelaki cina berada dalam di ruang tamu. Lelaki-lelaki cina tersebut kemudiannya dikenali sebagai tertuduh dan seorang lagi di kenali sebagai Lim Bak Seng (Lim).

Selepas SP3 kenalkan diri beliau dan pasukannya membuat pemeriksaan dalam rumah tersebut. Hasil pemeriksaan SP3 jumpa sebuah beg Samsonite berwarna hitam (eksh. P10) yang berada di bawah meja sikat (dressing table) dalam bilik tengah. Mengikut SP3 selepas berulang kali pertanyaan di buat kepada tertuduh dan Lim akhirnya tertuduh ketika berada di ruang tamu memberitahu beliau bahawa P10 adalah kepunyaanya yang berkunci gabungan (combination) bernombor 654. SP3 membuka P10 dengan nombor gabungan tersebut. Di dalam beg tersebut (P10) SP3 menjumpai pakaian, satu paspot (P11) dan surat imigresen kepunyaan tertuduh. Di samping itu SP3 juga menjumpai dari dalam P10 satu beg plastik berwarna merah (P13) yang mengandungi bungkusan hadiah (P14). Di dalam P14 terdapat 5 bungkusan berbalut silofin tep yang mana berisi 50 paket kecil yang pula mengandungi sejumlah 10,000 biji pil. Selepas di analisa oleh ahli kimia pil-pil tersebut merupakan methamphetamine dengan beratnya 189.20 gram.

Tertuduh di panggil membela diri. Dalam keterangannya beliau menafikan P10 berkunci tetapi mengakui ada memberitahu SP3 nombor kombinasi apabila ditanya mengenainya nombor tersebut.

Tertuduh menafikan mempunyai pengetahuan tentang beg plastik merah yang mengandungi dadah berada dalam P10 bersama dengan barang-barang beliau. Tertuduh menyatakan beliau tidak kunci beg Samsonitenya. Beg tersebut di letak di bawah meja kaca di dalam bilik berkenaan yang mana Lim juga menyimpan begnya (traveling bag) di dalam bilik yang sama. Mengikut tertuduh pada malam tersebut beliau keluar makan bersama DW3. Sebelum keluar beliau mengambil dua keping VCD dari P10 yang tidak dikunci untuk diberi kepada DW3. Tertuduh juga dalam keterangannya menyatakan beliau mengajak Lim untuk keluar makan bersama tetapi Lim tidak mahu. Pada malam itu DW2 turut sama keluar makan malam bersama beliau dan DW3. Selepas makan tertuduh tidak balik ke rumah tersebut kerana bermalam di rumah DW2. Pada keesokan hari iaitu pagi 28.3.2001, Lim datang ambil beliau dari rumah DW2. Apabila tiba di rumah tersebut tertuduh dan Lim di tangkap. Mereka di bawa masuk ke dalam rumah dan pemeriksaan di buat di mana barang salah di jumpai.

Daripada fakta keterangan jelas bahawa P10 ketika dijumpai bukan berada berhampirannya. Walaupun beg tersebut adalah kepunyaanya tetapi tertuduh mendakwa ia tidak berkunci. P10 ketika dijumpai berada di dalam suatu bilik

yang boleh di akses orang lain termasuk Lim dan penjaga rumah Kee Seng. Pihak pendakwaan tidak menafikan kewujudan personaliti tersebut bahkan keterangan pihak pendakwaan memperakui Lim berada di tempat kejadian ketika tertuduh di tangkap.

Kami peka mengenai prinsip bahawa peranan Mahkamah ini tidak seharusnya campur tangan dengan keputusan mahkamah bicara dalam penilaian fakta keterangan. Tetapi setelah meneliti keseluruhan keterangan dalam rekod rayuan, kami sebulat suara berpendapat hakim bicara khilaf mengenai pemakaian prinsip yang betul. Pada hemat kami tanpa menggunakan budibicara untuk usek keputusan hakim bicara akan membawa suatu ketidakadilan. Justeru kami mengambil keputusan membenarkan rayuan tertuduh dan mengetepikan sabitan dan hukuman yang di buat oleh hakim bicara.

Berikutnya kami akan zahirkan alasan kami apabila membenarkan rayuan tertuduh. Walaupun pihak perayu membangkitkan enam perkara dalam petisyen rayuan tetapi alasan mengenaikan inferen bertentangan di bawah peruntukan seksyen 114(g) Akta Keterangan 1952 sudah cukup untuk memusnahkan kes pendakwaan. Kegagalan pihak pendakwaan memanggil Lim sebagai saksi atau sekurang-kurangnya menawarkan beliau kepada pihak pembelaan boleh memprejudiskan tertuduh. Dalam pembelaannya tertuduh menyatakan Lim menolak pelawaan

beliau untuk keluar makan malam bersama-sama DW3 pada malam 27.3.2001. Tertuduh juga mendakwa bahawa Lim ada meletak begnya di atas P10 di dalam bilik di mana P10 yang dikatakan tidak berkunci ditemui. Tertuduh tidak balik kerumah tersebut kerana bermalam di rumah DW2 dan Lim lah yang menjemput beliau balik ke rumah tersebut pada pagi 28.3.2001. Tertuduh ditangkap bersama Lim pada pagi itu di kawasan rumah tersebut.

Pada pertimbangan kami keterangan Lim boleh dimanfaatkan oleh tertuduh. Adalah jelas ketiadaan keterangan Lim membuka suatu jurang dalam kesinambungan keterangan pihak pendakwaan.

Di samping itu hakim bicara juga khilaf apabila memperakui kemungkinan cerita tertuduh tetapi gagal menghayati nas-nas yang boleh di manfaatkan oleh tertuduh.

Kami akan memaparkan sebahagian alasan penghakiman hakim bicara apabila mendapati tertuduh bersalah. Alasannya (dalam bahasa inggeris) seperti berikut:-

“By reason aforesaid the defence submits that its version can be accepted as true and capable of belief and in the alternative the defence has raised a reasonable doubt in the prosecution’s case. In essence the defence case is that exhibit P13 and its contents could have been

*planted or concealed by person or person unknown who had access to the room and consequently the unlocked P10 and in support thereof relies on the case of **Arulpragasam Sundaraju v PP [1996] 4 CLJ 597; Abdullah Zawawi bin Yusof v PP [1993] 3 MLJ 1; Gooi Loo Seng v PP [1993] 2 AMR 1135 and Mohd. Johi Said & Anor v PP [2005] 1 CLJ 389.***

The question for determination is whether it is reasonable to accept the defence version that exhibit P13 and its contents could possibly be planted or concealed without the accused knowledge.

I have scrutinized in depth and has given maximum evaluation of the accused version of the possibility of both time and opportunity for Lim Bak Seng and/or Kee Seng or anyone having access to the room and the Samsonite bag to have planted or concealed the drugs in the Samsonite bag. Though I do not discount that the accused version is not incredible or improbable nevertheless to my mind for the reasons hereinafter following it is most unlikely and hence does not in any way raises a doubt the prosecution's case:- (digariskan untuk menarik perhatian).

- 1) that I accept the prosecution's version and particularly SP3's evidence that the Samsonite bag was locked when SP3 recovered it under the glass*

table in the room and it remained in the locked position until the Samsonite bag was opened in the hall by the accused himself who in fact gave the combination numbers;

- 2) *the Samsonite bag in question having been proven beyond reasonable doubt by the prosecution as belonging to the accused and hence it is in the accused custody and control and the presence of the accused personal belongings including P13 and the impugned drugs in them in a locked state is irresistible inference of knowledge which establishes the affirmative finding of possession;*
- 3) *there is no reason for me not to accept the testimony of SP3 who has no particular interest in the case at hand in relation to the Samsonite bag being in a locked state and being opened in the hall by the accused through the combination numbers given by him.*
- 4) *the locked state of the bag would negate any opportunity for Lim Bak Seng and/or Kee Seng or for that matter anyone having access to the room in which the bag was kept to have planted or concealed the drugs as contended by the defence more so when there is no evidence of others having knowledge of the combination locks of the bag”.*

Pada pendapat kami berdasarkan nas-nas utuh apabila pembelaan tertuduh dipanggil untuk membela diri, apa yang harus dibuat oleh tertuduh hanyalah menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan.

Berbalik kepada petikan alasan penghakiman hakim bicara yang tertera di atas nyata sekali kami boleh membuat inferen bahawa beliau silap arah mindanya apabila mendapati tertuduh bersalah.

Apabila hakim bicara menyatakan "*Though I do not discount that the accused version is not incredible or improbable*" tetapi membuat rasional untuk menyatakan tertuduh bersalah telah berlawanan dengan prinsip yang nyata (trite). Jelas dan nyata hakim bicara menolak kemungkinan keterangan tertuduh sebagai suatu yang tidak masuk akal (*incredible*) atau mustahil (*improbable*) tetapi masih mendapati tertuduh bersalah. Dalam keadaan yang seakan-akan sama Mahkamah Agong (ketika itu) mendapati hakim bicara khilaf mengenai tahap pembuktiaan (standard of proof) di pihak pembelaan yang hanya dikehendaki menimbulkan keraguan yang munasabah. Di halaman 142 kes **Pang Chee Meng v. PP [1992] 1 MLJ 137**, Abdul Hamid Omar KHN berkata (dalam bahasa asal) seperti berikut:-

"In the present case, reading the grounds of judgment, we cannot escape the feeling that the trial judge erroneously directed himself as to

principles to be applied in determining various issues of fact and law. We are very reluctant to disturb a finding of fact by any trial judge except when he misdirected himself as to how to assess the evidence. Many of the expressions used in the grounds of judgment indicate that he apparently adopted the wrong approach. By saying so, we refrain from expressing any opinion as to the role of the accused or anybody else in the whole episode. It is sufficient for us to say that the defence of the accused was probable and more than adequate to rebut the case for the prosecution. To illustrate the approach of the learned judicial commissioner let us quote instances from his finding. He said 'once defence is called accused must testify and support his contention with evidence both from witnesses or otherwise that he is not guilty of the charge.' This sentence interpreted, narrowly would mean that the trial judge expected a higher standard of proof from the defence than of creating a reasonable doubt. Whether the accused testifies or adopts other means is a matter of choice for him and his counsel. No adverse inferences can be drawn or seen to be drawn only because he exercised his liberty to choose any particular course. Having closely perused the evidence ourselves, we find it difficult to believe that the judicial commissioner's expression is merely matter of style and language and not of substance".

Setelah meneliti penghakimannya kami berpendapat hakim bicara mempunyai keraguan apabila memperakui keterangan tertuduh sebagai bukan yang tidak masuk akal atau mustahil. Seharusnya hakim bicara melepaskan dan membebaskan tertuduh kerana tertuduh hanya berhak menimbulkan keraguan yang munasabah.

Prinsip yang diputuskan dalam kes **Mat v. PP [1963] MLJ 263** menyatakan jika mahkamah berpendapat cerita tertuduh berkemungkinan walaupun pada mulanya tidak mempercayainya sudah cukup untuk tertuduh terlepas daripada pertuduhan (sila lihat kes **PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 AMR 203**).

Sehubungan dengan itu kami sependapat bahawa tertuduh harus mendapat manfaat daripada kekhilafan hakim bicara. Atas persoalan ini sahaja sudah cukup untuk kami membenarkan rayuan tertuduh dan ketepikan sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara. Namun demikian kegagalan pihak pendakwaan memanggil Lim sebagai saksi atau sekurang-kurangnya menawarkan beliau kepada pihak pembelaan turut memusnahkan kes pendakwaan.

Saudara-saudara saya Raus Sharif, HMR dan Hasan Lah, HMR telah meneliti Alasan Penghakiman dalam bentuk draf dan telah menyatakan persetujuan mereka.

Bertarikh: 3 Julai, 2009

t.t.

DATO' WAN ADNAN BIN MUHAMAD
Hakim
Mahkamah Rayuan Malaysia

Bagi Pihak Perayu

Tetuan Teh Poh Teik & Company
Peguambela & Peguamcara
Suite 11.08, 11th Floor
Menara TJB,
80000 Johor Bharu.

[Ruj: TPT/PN/rq/T223-00/L]

Bagi Pihak Respondan

Timbalan Pendakwa Raya
Kamar Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara Malaysia (4G7)
No. 45. Pesiaran Perdana,
Presint 4,
62160 Putrajaya.

Kes-Kes Yang Di rujuk:

1. Arulpragasam Sundaraju v PP [1996] 4 CLJ 597;
2. Abdullah Zawawi bin Yusoff v PP [1993] 3 MLJ 1;
3. Gooi Loo Seng v PP [1993] 2 AMR 1135;
4. Johi Said & Anor v PP [2005] 1 CLJ 389;
5. Pang Chee Meng v PP [1992] 1 MLJ 137;
6. Mat v PP [1963] MLJ 263;
7. PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 AMR 203.

